



**HEBAHAN AKTIVITI PENDAFTARAN
KURSUS SEMASA CUTI PANJANG (KSCP), SIDANG AKADEMIK 2024/2025**

KEPADA : SEMUA PELAJAR IJAZAH PERTAMA (PENUH MASA) & DIPLOMA

1. JADUAL AKTIVITI KSCP, SIDANG AKADEMIK 2024/2025

AKTIVITI	TARIKH
Keputusan Peperiksaan Semester II, Sidang Akademik 2024/2025	26 Ogos 2025 (Selasa) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11:00 pagi melalui portal <i>CampusOnline</i> . (http://campusonline.usm.my)
Aktiviti pendaftaran kursus KSCP di Pusat Pengajian	25 Ogos 2025 (Rabu) - 2 September 2025 (Selasa)
Minggu pengajaran dan pembelajaran	1 September 2025 (Isnin) - 14 September 2025 (Ahad)
Minggu peperiksaan	15 September 2025 (Isnin) - 21 September 2025 (Ahad)
Cuti semester	22 September 2025 (Isnin) - 5 Oktober 2025 (Ahad)
Keputusan Peperiksaan KSCP, Sidang Akademik 2024/2025	6 Oktober 2025 (Isnin) Keputusan peperiksaan diumumkan kepada pelajar jam 11:00 pagi melalui portal <i>CampusOnline</i> . (http://campusonline.usm.my)

2. SENARAI KURSUS YANG DITAWARKAN

- (a) Pelajar perlu menghubungi Pusat Pengajian/Pusat yang berkenaan untuk menyemak dan mendapatkan pengesahan senarai kursus yang akan ditawarkan sebelum tarikh pendaftaran kursus.
- (b) Kursus yang telah diubahsuai ke 100% kerja kursus pada Semester II, Sidang Akademik 2024/2025 tidak boleh ditawarkan sewaktu KSCP 2024/2025.

3. ASAS & SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PELAJAR MENGIKUTI KSCP

- (a) Kategori Pelajar yang boleh mendaftar KSCP ialah seperti berikut:
 - i. Pelajar tahun akhir yang perlu memenuhi unit berijazah
 - ii. Memperolehi gred Gagal (gred F) di dalam sesuatu kursus

- iii. Memperolehi gred 'DK' (Dengan Kebenaran)
- iv. Mendapat keputusan 'C-', 'D+', 'D' atau 'D-'

(b) Pelajar yang memperolehi gred 'F*' dan 'X' **TIDAK DIBENARKAN** mengikuti KSCP.

4. SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN KURSUS

- (a) Pelajar yang ingin mengikuti KSCP, **wajib** mendaftar kursus melalui Pusat Pengajian masing-masing.
- (b) Pelajar dibenarkan mendaftar maksimum 3 kursus dan tidak melebihi 10 unit. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu, Dekan Pusat Pengajian boleh membenarkan pelajar mendaftar lebih daripada unit tersebut.
- (c) Pelajar yang mengikuti KSCP tidak dibenarkan menambah ataupun menggugur kursus selepas minggu pertama.

5. PELAJAR TAHUN AKHIR

- (a) Pelajar di tahun akhir yang perlu mengikuti KSCP bagi tujuan pengijazahan perlu menghubungi segera Pusat Pengajian masing-masing supaya kursus-kursus yang perlu ditawarkan dapat dikenal pasti dengan segera.
- (b) Pelajar tahun akhir yang telah memenuhi semua syarat pengijazahan dan disahkan layak berijazah oleh universiti selepas pertimbangan keputusan peperiksaan Semester II, Sidang Akademik 2024/2025 adalah **TIDAK LAYAK** mengikuti KSCP.

PARA PELAJAR DIMINTA MEMATUHI TARIKH AKTIVITI KSCP SIDANG AKADEMIK 2024/2025 DAN ARAHAN YANG DINYATAKAN.

Kerjasama semua amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Unit Rekod Pelajar
Bahagian Pengurusan Akademik
Jabatan Pendaftar

No. Tel. : 04-653 2336 / 2924 / 4194 / 2925 / 3169 / 3076 (Pejabat Am)
E-mel : sdrp@usm.my
Web : bpa.usm.my

Tarikh luput : 6 Oktober 2025